

'Ustaz pembentuk peribadi jenerasi baharu'

B H 20 NOV 1974

KUALA LUMPUR, Selasa.

GURU-guru agama hari ini diingatkan mereka mempunyai tanggungjawab yang luas, bukan setakat menyampaikan pengetahuan agama kepada para pelajar.

Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamed berkata, guru-guru agama adalah yang dapat menentukan corak keperibadian jenerasi Islam akan datang.

Bellau berucap demikian merasmikan kursus dalam perkhidmatan bagi 103 guru agama berijazah di Maktab Perguruan Bahasa di sini pagi ini.

Tugas penting guru agama, jelas Dr. Mahathir ialah menyedarkan pelajar betapa pentingnya agama Islam dalam membentuk kehidupan mereka sehari-hari.

Disesuaikan

"Oleh itu pendidikan agama tidak boleh dibeiri semata-mata bergantung kepada ceramah-ceramah sahaja walaupun gaya ceramah itu dengan suara yang keras dan nada yang berkobar-kobar.

"Itu hanya menuliskan emosi pelajar dalam jangka masa yang pendek tanpa menimbulkan sebarang keinsafan.

"Yang penting dalam pendidikan agama ialah pengajaran itu diberikan sesuai dengan penerimaan akal pelajar, diikuti dengan hujjah yang sihat serta disusuli pula dengan bimbingan,

latihan bahkan contoh tauladan yang baik daripada guru sendiri," tegasnya.

Dr. Mahathir menyatakan bahawa kelulusan ilmiah sahaja tidak cukup untuk melayakkan seseorang itu menjadi guru agama yang cekap.

Kelulusan

Dengan itu, jelasnya di samping kelulusan ilmiah guru-guru agama mestilah mempunyai kelulusan ikhtisas terutamanya ilmu pendidikan, ilmu pertumbuhan kanak-kanak, salkoloji dan sebagainya.

Terdahulu dari itu, dalam ucapannya merasmikan seminar Kesatuan Guru-guru Besar Malaysia di Universiti Malaysia, Dr. Mahathir mengingatkan bahawa peranan guru besar sudah jauh berubah bukan setakat menjadi pemimpin kampung.

Katanya, maju mundurnya sesebuah sekolah bergantung kepada sikap kepimpinan guru besar.

Katanya, guru besar hendaklah sentiasa menyesuaikan diri mengikut peredaran masa kerana tenaga pengajar di bawahnya semakin ramai dan berkelulusan lebih tinggi.